

12 SEP 1997

DANA ASING JANGKA KERAJAAN AMBIL LANGKAH HALANG KEJATUHAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Seorang pengurus dana asing berkata hari ini beliau menjangka Kerajaan Malaysia akan mengambil langkah-langkah khusus tidak lama lagi bagi menstabilkan ringgit pada nilai munasabah 2.80 hingga 2.90 berbanding dolar Amerika.

David C. Roche dari Independent Strategy, berkata tahap ringgit 2.90 berbanding dolar Amerika sekarang merupakan tahap paling rendah kejatuhan unit tempatan itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri dialog antara pengurus-pengurus dana dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Ringgit melepasi tahap psikologi 3.0000 minggu lalu tetapi pulih minggu ini dan diniagakan dalam sekitar tahap 2.90.

Hari ini ia ditutup susut berbanding dolar AS apabila matawang Amerika itu meningkat berbanding matawang-matawang serantau yang lain.

Unit tempatan itu ditutup pada 2.9500 berbanding dolar Amerika, setelah dibuka pada 2.9600/50 pagi tadi. Dolar/ringgit ditutup pada 2.9345/95 semalam.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memastikan bahawa kestabilan ringgit dipertahankan meskipun nilainya jatuh sebanyak kira-kira 20 peratus berbanding dolar Amerika sejak krisis matawang baru-baru ini.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia di Mongolia pada penghujung lawatan selama empat hari ke negara itu.

Roche berkata kerajaan Malaysia perlu menunjukkan kepada pelabur antarabangsa ia adalah langkah-langkah yang diambil untuk menghalang ringgit daripada terus jatuh agar mereka tidak merasakan modal yang dilaburkan hari ini akan menyusut dalam nilainya di masa depan.

"Ia juga penting bahawa upah dan gaji yang meningkat akan dikawal agar inflasi dalam negeri tidak akan menghakiskan daya saing Malaysia sebagai pengeksport.

Jika kerajaan melaksanakan langkah-langkah itu, ringgit akan stabil tidak lama lagi dengan pelabur-pelabur mengambil sedikit masa untuk menaruh sepenuh keyakinan terhadap pasaran ekuiti," katanya.

Beliau merasakan tiada peningkatan dalam pasaran bagi tempoh enam bulan hingga setahun selepas ini kerana keyakinan akan dibina secara perlahan-lahan.

"Bagaimanapun bagi pelabur jangka panjang...dalam tempoh tiga hingga lima tahun...saya akan membeli nilai hari ini," tambahnya. -- BERNAMA

AD ZK/sia